



Hakisan sehingga menampakkan akar pokok pantai Parit Penyengat Laut, Muar. [FOTO SHAIFFULAZHAR MISRI/BH]

“Masalah lain pula timbul apabila pantai mula menjadi cetek, selain keadaan pasir yang menutupi muka kuala Parit Rabu hingga menyebabkan nelayan sukar keluar ke laut untuk menangkap ikan”

Amri Nayan,
Penduduk

Api-api berkesan atasi hakisan ombak

» *Penanaman bakau sahaja tak mampu cengkam tanah lebih kuat*

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

■ Muar

Masalah hakisan pantai di sini yang semakin teruk dipercayai dapat diatasi dengan lebih berkesan menerusi penanaman pokok api-api.

Pokok berkenaan mempunyai akar berserabut yang membolehkannya mencengkam tanah dengan lebih kuat dan mampu menahan ombak ganas. Ia juga sukar tumbang walaupun ketika gelombang kuat.

Bagi Mohamad Md Yassin, 52, yang berpengalaman lebih 35 tahun sebagai nelayan di situ, pokok bakau semata-mata tidak mampu menangani hakisan di kawasan berkenaan kerana akarnya berceracak tidak mampu mencengkam tanah dengan kuat, khususnya di kawasan berlumpur.

“Pokok bakau tumbang setiap kali ada gelombang kuat,” katanya sambil menambah, pokok api-api perlu ditanam semula di hadapan pokok bakau kerana kombinasi kedua-dua tumbuhan semula jadi kawasan paya pantai itu mampu menangani hakisan.

Katanya, walaupun pokok api-api lebih dinamik berbanding ba-

kau, tumbuhan terbabit yang tumbuh berselerak menyebabkannya sering ditebang kerana ia dipercayai memburukkan pemandangan di kawasan pantai.

“Saya tidak tahu kenapa orang tebang pokok api-api kerana ia antara tumbuhan liar yang mampu menangani hakisan. Dulu, kawasan ini banyak pokok api-api, tapi ditebang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, mungkin untuk mendapatkan kayunya.

“Pokok api-api adalah tumbuhan liar dan hidup dengan sendirinya. Kami juga tidak tahu bagaimana menanamnya kerana ia tidak mempunyai benih atau tunas seperti pokok bakau atau nipah untuk ditanam semula,” katanya.

Atasi masalah

Justeru, beliau mencadangkan pihak berwajib dan pakar dari institusi pengajian tinggi (IPT) melakukan kajian mengenainya.

“Sekiranya pokok api-api mampu menangani hakisan, tidak salah jika kita turut menanam semula tumbuhan ini bersama pokok bakau. Apa yang lebih penting adalah keberkesanannya dalam menangani masalah alam semula jadi ini.

“Jika terbukti berkesan, mungkin kita boleh tanam pokok itu bukan sahaja di kawasan ini, tetapi juga memperluaskannya ke seluruh negara, khususnya di kawasan yang turut mengalami masalah sama,” katanya.

Tinjauan BH di Kampung Parit Rabu dan Kampung Seri Menanti Laut, di sini, mendapati hakisan

pantai tetap berlaku meskipun pelbagai kaedah sudah diambil bagi menangani masalah berkenaan. Malah, pokok bakau yang ditanam semula Jabatan Perhutanan juga gagal menahan asakan ombak sehingga tumbang dan mati.

Benteng konkrit dan batu yang dibina sebelum ini pula pecah dan ditenggelami pasir, menyebabkan kaedah itu juga gagal menyelesaikan masalah hakisan pantai.

Penduduk, Amri Nayan, 32, berkata walaupun benteng konkrit dan batu serta projek tanaman semula pokok bakau tidak begitu berjaya, ia sekurang-kurangnya

dapat mengurangkan sedikit kadar hakisan.

“Sebelum ini, kawasan pantai ini sememangnya terhakis akibat ombak besar, khususnya pada musim tengkujuh. Namun, tindakan pantas kerajaan membina benteng batu dan menanam pokok bakau dapat memperlahankan sedikit hakisan.

“Bagaimanapun, masalah lain pula timbul apabila pantai mula menjadi cetek, selain keadaan pasir yang menutupi muka kuala Parit Rabu hingga menyebabkan nelayan sukar keluar ke laut untuk menangkap ikan,” katanya.

Ancam hidupan laut

“Selain menutupi kuala, masalah ini juga mengancam ekosistem hidupan laut di sini kerana ia menyebabkan anak ikan tidak dapat hidup dan membesar dengan baik.

“Malah, keadaan pokok bakau yang tumbang dan mati juga me-

nyebabkan beberapa spesies hidupan akuatik seperti kerang, kepah, ketam dan siput tidak dapat lagi hidup di sini,” katanya.


Justeru, pihaknya berharap kerajaan, khususnya pihak berwajib dapat mengkaji dan mencari kaedah terbaik untuk menangani masalah itu demi kebajikan penduduk dan generasi akan datang.

Seorang lagi penduduk, Rahmat Senan, 53, berkata walaupun projek tambatan dapat memperlahankan hakisan, ia tidak mengambil kira keadaan muka bumi dan cuaca sebenar di kawasan itu.

“Hakisan banyak dipengaruhi oleh tiupan angin, menjadi teruk apabila angin barat dan selatan bertiup kerana akan menyebabkan ombak dan gelombang laut lebih besar berbanding tiupan angin barat laut. Ini menyebabkan projek pembinaan benteng memecah ombak kurang berkesan,” katanya.

○ Hakisan pantai menjejaskan pendapatan nelayan. Bukan sahaja kerana hidupan akuatik berkurangan, malah menyebabkan mereka ‘bergelut’ setiap kali mahu ke laut. Ikuti luahan hati nelayan dalam siri seterusnya.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



Antara pokok kayu bakau yang tumbang dibadai ombak.